

UCAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI, PULAU PINANG
DIUPACARA PERASMIAN MELETAKKAN BATU ASAS BANGU-
NAN TERMINAL DI BAYAN LEPAS PADA HARI AHAD,
14HB.OGOS 1977 JAM 10.30 PAGI DILAPANGAN TERBANG
BAYAN LEPAS

Y.B. Menteri Perhubungan Malaysia, Tan Sri Dato V. Manickavasagam,

Y.B. Menteri Kerjaraya dan Kemudahan Awam, Dato Ghani Gilong,

Ketua Pengarah Penerbangan Awam, Encik Ibrahim

Dzif-dzif terhormat,

Tuan-tuan dan Puan-Puan.

Saya berasa gembira dapat hadir bersama-sama di

Majlis Perasmian Meletakkan Batu Asas Bangunan Terminal di

Lapangan Terbang Antarabangsa, Pulau Pinang oleh YB. Tan

Sri Dato V. Manickavasagam, Menteri Perhubungan, Malaysia.

Saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan

terima kasih kepada Kerajaan Pusat dan khususnya kepada

Menteri Perhubungan dan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan
Awam, atas sokongan dan kerjasama rapat yang mereka telah
curahkan, dalam melaksanakan Projek Lapangan Terbang
Antarabangsa Pulau Pinang.

Saya mengucapkan tahniah kepada Jabatan Kerja
Raya atas kerja-kerja dan usaha yang mereka telah sumbangkan
untuk menyelaraskan pembangunan Lapangan Terbang ini
mengikut jadual. Landasan sebelas ribu (11,000) kaki
panjang telahpun siap dibina, dan sedang digunakan. Saya
yakin, Lapangan Terbang ini akan disiapkan pada bulan Mei
tahun depan sepertimana yang dirancangan. Apabila
Lapangan Terbang ini disiapkan, pembangunan industri
pelancungan di Negeri Pulau Pinang serta Wilayah Utara

Malaysia pada keseluruhannya, akan merintis ke satu peringkat yang baru.

Di dalam Negeri Pulau Pinang, Kerajaan telah memupuk dengan telitinya dalam pembangunan industri pelancungan, dan saya harap Lapangan Terbang Antarabangsa ini akan dapat mempergiatkan lagi pihak swasta untuk melibatkan diri mereka agar dapat memperkukuhkan pelancungan sebagai satu sektor baru di dalam pembangunan ekonomi kita.

Menjelang akhir tahun 1975, bilangan pelancung pelancung luar negeri adalah seramai seratus sembilan ribu empat ratus sembilan puluh satu orang (109,491). Saya pasti bahawa bilangan ini akan bertambah dengan pesatnya

dengan Lapangan Terbang ini disiapkan. Oleh yang demikian, majlis hari ini adalah satu tanda bukan sahaja kepada penyelia penyelia penerbangan, bahkan juga kepada mereka yang terlibat dalam industri pelancungan, untuk mempergiatkan lagi kegiatan-kegiatan mereka supaya dapat menggunakan dengan sepenuhnya kemudahan baru ini dimana Pulau Pinang diletakkan sebagai sebuah tempat destinasi yang penting di dunia pelancungan.

Saya ingin mengambil peluang ini untuk menyentuh tentang subjek yang selalunya saya memperkenalkan beberapa tahun yang lalu, iaitu mengenai operasi lapangan terbang antarabangsa dan dengan industri pelancungan yang berusaha untuk menambahkan pembangunan. Adalah mustahak bahawa